

03/01/2001

Jaminan tidak dibuang legakan 8,500 kakitangan MAS

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira 8,500 pekerja Penerbangan Malaysia (MAS) lega berikutan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa mereka tidak akan dibuang apabila pengurusan baru mengambil alih syarikat itu.

Presiden Kesatuan Sekerja MAS, Alias Aziz, berkata pihaknya berterima kasih dengan jaminan Perdana Menteri dan menganggapnya sebagai hadiah tahun baru.

Katanya, keputusan kerajaan mengambil alih semula pengurusan MAS juga tepat bagi menjaga kebajikan pekerja.

"Kita berharap pengambilalihan pengurusan itu akan kekal selamanya supaya pekerja tidak lagi gelisah dan bimbang terhadap status mereka. Kita juga berharap jika ada pihak lain yang ambil alih... biarlah diuruskan oleh mereka cekap dan berpengalaman.

"Kita tidak mahu wujud masalah berbangkit. Kini, semua pekerja memegang janji yang diumumkan Dr Mahathir," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir memberi jaminan kepentingan pekerja MAS tetap dijaga kerana golongan itu menjadi aset paling berharga dalam kemajuan dan perkembangan negara.

Pada 20 Disember lalu, kerajaan mengumumkan pembelian 29.9 peratus ekuiti yang dimiliki Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli menerusi Naluri Bhd pada harga tunai RM8 sesaham atau RM1.792 bilion.

Alias berkata, sebelum ini pihaknya mendengar khabar angin MAS akan diambil alih oleh syarikat asing berikutan penjualan ekuiti saham milik Tajudin.

"Jika syarikat asing mengambil alih pengurusan MAS kemungkinan wujud pelbagai masalah dan perubahan termasuk pembuangan pekerja dan kenaikan harga tambang penerbangan," katanya.

Selain itu, katanya, syarikat asing biasanya memikirkan keuntungan dalam pelbagai aspek.

Bagaimanapun, katanya, kesatuan bersiap sedia menghadapi sebarang masalah sebagai langkah berjaga-jaga demi menjaga kebajikan pekerja jika pengurusan bertukar tangan.

Beliau berkata, kesatuan juga sudah menghantar memorandum kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin mengenai perkara itu menerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), hari ini.

(END)